

Kejatuhan harga minyak mentah dunia memberi kesan ketara kepada ekonomi

Cukai petroleum terus menyusut

Oleh MANIRAH OTHMAN

MELAKA — Kejatuhan harga minyak mentah dunia terus memberi kesan ketara terhadap kutipan cukai bagi sektor petroleum dengan jangkaan penurunan sebanyak kira-kira RM30 bilion dalam tempoh tiga tahun sehingga tahun hadapan.

Secara tidak langsung, ia juga dijangka turut memberi kesan terhadap hasil pungutan cukai negara kerana sektor petroleum

merupakan antara penyumbang terbesar.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani (**gambar**) berkata, pendapatan daripada industri petroleum diambil kira daripada kutipan cukai industri petroleum, cukai pendapatan petroleum, royalti dan dividen dari Petronas.

“Sebanyak RM65 bilion dikutip dari hasil cukai petroleum

pada tahun 2014 namun bagi tahun ini iaitu sehingga November, segmen petroleum hanya mencatat kutipan sebanyak RM43 bilion.



“Kita menjangkakan penurunan ini berterusan dengan jangkaan kutipan cukai daripada sektor petroleum akan jatuh kepada kira-kira RM31 bilion pada tahun

hadapan.

“Ia merupakan penurunan

lebih RM30 bilion dalam tempoh tiga tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena majlis perasmian Persidangan Teknikal Tahunan Pertubuhan Pentadbir Cukai Negara-Negara Komanwel (CATA) 2015 di Banda Hilir dekat sini semalam.

Hadir sama ialah Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri yang juga Pengerusi CATA, Tan Sri Dr. Mohd. Shukor Mahfar; Presiden CATA, George Blankson dan

Pengarah Eksekutif CATA, Duncan Onduru.

Menurut Johari, persidangan selama lima hari itu menghimpunkan 117 delegasi daripada 26 negara anggota CATA yang berkongsi pengalaman serta kepakaran tadbir urus dan integriti sistem percukaian secara lebih efisien.

Jelasnya, hasil persidangan tersebut diharap menemui penyelesaian terhadap pelbagai isu berkaitan cukai termasuk mengurangkan ketirisan hasil cukai.